



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



BAHASA KEPIMPINAN RUMAH TANGGA RASULULLAH S.A.W. DALAM RIWAYAT AISYAH R.A. DARI SUDUT ANALISIS WACANA KRITIS

Oleh

ARIZA BINTI ABDULLAH



Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia

BAHASA KEPIMPINAN RUMAH TANGGA RASULULLAH S.A.W. DALAM RIWAYAT AISYAH R.A. DARI SUDUT ANALISIS WACANA KRITIS

Oleh

ARIZA BINTI ABDULLAH

April 2019

Pengerusi : Mohd Azidan Bin Abdul Jabar, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Analisis tekstual hadis Rasulullah SAW masih tidak meliputi seluruh aspek kepemimpinan baginda. Kajian kritis wacana kepemimpinan dalam rumah tangga baginda perlu sebagai model masyarakat. Konflik timbul dalam rumah tangga akibat kurang persefahaman antara pasangan. Permasalahan ini perlu kembali kepada rujukan agama yang telah dipraktis oleh baginda Rasulullah SAW sebagai model *qiwāmah* rumah tangga. Praktis kepemimpinan baginda terangkum dalam bentuk wacana hadis terutamanya hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a.. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri bahasa kepemimpinan rumah tangga baginda dan amalan wacana dalam periyawatan hadis. Data dikumpul daripada sebelas buah hadis mengenai peristiwa-peristiwa utama yang berlaku dalam rumah tangga baginda yang diambil daripada kitab hadis *Sahīh Al-Bukhārī*. Analisis dibuat menggunakan pendekatan Model Tiga Dimensi Fairclough (1995) dalam analisis wacana kritis yang menganggap bahasa adalah satu bentuk praktis sosial. Analisis meliputi tiga dimensi iaitu dimensi tekstual yang memerihal ciri-ciri kepemimpinan, dimensi amalan wacana yang menghuraikan penghasilan dan penyebaran wacana, dan dimensi praktis sosiobudaya yang menjelaskan praktis bahasa. Hasil analisis tekstual menemukan unsur leksikal makna kata kepemimpinan dan leksikal metafora, serta nahu transitiviti berbentuk proses kognisi dan aksi, serta pelbagai modus penyataan dan performatif. Manakala dimensi amalan wacana menemukan teknik intertekstualiti metawacana dan representasi, selain interdiskursiviti genre naratif, deskriptif, ekspresif and interaksi. Dimensi praktis sosiobudaya menjelaskan hubungan antara wacana dan praktis bahasa kepemimpinan rumah tangga Rasulullah SAW. Kajian merumuskan wujudnya kepelbagaiannya praktis bahasa kepemimpinan berdasarkan konteks iaitu praktis bahasa perundingan, bahasa tegas, bahasa izin, bahasa bukan verbal, bahasa kiasan, bahasa ekspresif serta bahasa nafi dan keterangan. Kajian ini menghasilkan model Praktis Bahasa Kepemimpinan Rumah Tangga Rasulullah (PBKRR) yang menonjolkan identiti sosial *qiwāmah* bertoleransi dalam rumah tangga. Model PBKRR ini perlu dikenangkan sebagai alternatif kepada masyarakat untuk membina institusi rumah tangga yang lebih mantap.

**LEADERSHIP LANGUAGE IN THE PROPHET MUHAMMAD'S
MARRIAGE THROUGH AISYAH'S NARRATION FROM THE VIEW OF
CRITICAL DISCOURSE ANALYSIS**

By

ARIZA BINTI ABDULLAH

April 2019

Chair : Mohd Azidan Bin Abdul Jabar, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The textual analysis of the hadith of Rasulullah (PBUH) still does not cover all aspects of his leadership language. Critical analysis of leadership discourses in his marriage is needed as model of society. Conflicts arise in a marriage due to lack of understanding between spouses. This problem needs to be referred to religious guide that has been practiced by the Prophet Muhammad (PBUH) as the model of the household leadership. His leadership practices are summarised in the form of hadith discourse especially from the hadith narrated by Aisyah r.a. This analysis is needed to identify the characteristics of the leadership language of the prophet and discourse practices in hadith narration. The data were compiled from eleven hadiths of major events occurring in his family taken from *Şahih Al-Bukhārī*. The analysis was made using the Fairclough's Three Dimensional Model (1995) approach in the critical discourse analysis which views language as a form of social practice. The three-dimensional analysis consists of the textual dimension which describes the language characteristics of leadership, discursive practice dimension which interprets the production and distribution of discourse, and sociocultural practice dimension that explains the social practice. The analysis of textual dimension has found lexical elements of the word meaning of leadership and metaphorical lexical, and the grammatical transitivity of cognition and behavioral processes of leadership, besides various modes of declaratives and performatives. While the discursive practice dimension finds intertextuality techniques of metadiscourse and representation, besides interdiscursivity of genres (narrative, descriptive, expressive and interaction). Dimension of sociocultural practice explains relationship between discourse and social process of leadership language in marriage. The findings of these three dimensions show the diversity of contextual leadership practices in language, which is the practice of negotional language, assertive language, request language, non verbal language, figurative language, expressive language and negation and declarative language. This study produces a Model of Practices of the Leadership Language of the Prophet's Marriage (PBKRR) which highlighted the social identity of tolerance leadership in household. The PBKRR model should be presented as an alternative to the community to build a stronger domestic institution.

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على رسوله نبی المدی، صلی الله وسلم وبارک علیه وعلی آلہ وأصحابہ الأئمۃ، أما بعد...

Alhamdulillah segala puji dipanjangkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia. Dalam kesempatan yang ada ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Azidan Abdul Jabar, Dr. Nik Farhan Mustapha dan Dr. Pabiyah Toklubok@Haji Maming, yang telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja penyelidikan sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada warga UPSI rakan-rakan sejawatan di Pusat Bahasa dan Pengajian Umum serta P.M. Dr. Anida Sarudin daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang banyak memberikan percambahan pemikiran dan motivasi sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia. Terima kasih juga kepada staf sokongan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang banyak memacu dan menghulurkan pelbagai kemudahan untuk menyiapkan tesis ini. Seterusnya jutaan penghargaan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan saya peluang untuk menyambung pelajaran selama lebih tiga tahun di Universiti Putra Malaysia.

Tidak dilupakan juga penghargaan ini kepada ayahanda Hj. Abdullah bin Haji Noor yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Jutaan doa dipanjangkan kepada al-marhumah bonda Hajah Rahmah binti Mohamad yang menjadi sumber inspirasi untuk menamatkan pengajian ini. Juga buat suami tercinta Dr. Taj Rijal Muhammad Romli dan anak-anak tersayang, Muaz, Farha, Nisreen dan Ibtisam serta semua anggota keluarga kerana amat memahami, memberi dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Akhir kata, harapan saya agar usaha ini dapat memberi manfaat kepada bidang bahasa Arab dan agama terutamanya para penyelidik daripada pelbagai disiplin untuk memperluaskan kajian wacana hadis supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat. Moga usaha ini diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebaikan oleh Allah S.W.T. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya kerana sesuatu yang lengkap dan sempurna itu milik-Nya sahaja. Terima kasih.

ARIZA BINTI ABDULLAH

Tanjong Malim, Perak

20 April 2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 24 April 2019 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Ariza binti Abdullah bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Bahasa Kepimpinan Rumah Tangga Rasulullah S.A.W. dalam Riwayat Aisyah R.A. dari Sudut Analisis Wacana Kritis" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd Rauf bin Hassan, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Mahmood b Musanif, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Munif Zarirruddin Fikri bin Nordin, PhD
Profesor Madya
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi


RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 23 Julai 2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
iv

PustakaTBainun



ptbupsi

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Azidan Bin Abdul Jabar, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Nik Farhan Binti Mustafa, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Pabiyah Hajimaming @ Pabiah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **08 AUG 2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustri telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.



Tandatangan:

Tarikh: 27/9/2019

Nama dan No. Matrik: Ariza Binti Abdullah, GS27566




Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:
Nama Pengurus
Jawatankuasa
Penyeliaan:


ASSOC. PROF. DR. MOHD AZIDAN BIN ABDUL JABAR
DEPARTMENT OF FOREIGN LANGUAGES
FACULTY OF MODERN LANGUAGES AND COMMUNICATION
UNIVERSITY PUTRA MALAYSIA
43400 UPM, SERDANG
SELANGOR, MALAYSIA
Mohd Azidan Bin Abdul Jabar

Tandatangan:
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:


DR. NIK FARHAN BINTI MUSTAPHA
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.
Nik Farhan Binti Mustapha

Tandatangan:
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:


PABIYAH HAJIMAMING @ PABIAH TOKLUBOK
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.
Pabiyah Hajimaming @ Pabiah Toklubok

JADUAL KANDUNGAN**Halaman**

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI KOD	xiv
PANDUAN TRANSLITERASI EJAAN ARAB KE RUMI	xv

BAB**1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.2.1 Bahasa sebagai Alat Perhubungan	1
1.2.2 Kepemimpinan dalam Praktis Sosial	2
1.2.3 Kepemimpinan Teladan melalui Praktis Bahasa	
Rasulullah SAW	4
1.2.4 Kepemimpinan Rumah Tangga dan <i>Qiwāmah</i>	4
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Objektif	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	12
1.8.1 Bahasa Kepemimpinan Rumah Tangga	12
1.8.2 Perawi dan Riwayat	13
1.8.3 Analisis Wacana Kritis	13
1.9 Struktur Tesis	13
1.10 Kesimpulan	14

2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	15
2.2 Konsep Kajian Bahasa Kepemimpinan	15
2.2.1 Bahasa Motivasi	15
2.2.2 Fungsi Mempengaruh	16
2.2.3 Fungsi Persuasif	16
2.2.4 Fungsi Menyampaikan Risalah	17
2.3 Kajian Kepemimpinan Menggunakan Teori Analisis Wacana Kritis	21
2.3.1 Kajian Bahasa Kepemimpinan Menggunakan Model Tiga Dimensi	21
2.3.2 Elemen Islam dalam Kajian Wacana Kritis	25



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

2.4	Kajian Bahasa Kepemimpinan Rasulullah SAW	27
2.4.1	Kajian Tekstual Hadis	27
2.4.2	Kajian Amalan Wacana Hadis	30
2.4.3	Kajian Praktis Sosiobudaya	33
2.5	Kesimpulan	38

3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	40
3.2	Pendekatan Kajian	40
3.3	Kerangka Teori	40
3.3.1	Dimensi Tekstual Kajian Kepemimpinan Rumah Tangga	43
3.3.2	Dimensi Amalan Wacana Kajian Kepemimpinan Rumah Tangga	48
3.3.3	Dimensi Praktis Sosiobudaya Kajian Kepemimpinan Rumah Tangga	51
3.4	Kaedah Kajian	52
3.4.1	Kaedah Pustaka	52
3.4.2	Kaedah Analisis Korpus	54
3.4.3	Prosedur Pengumpulan Hadis	54
3.4.4	Proses Analisis	60
3.5	Kerangka Konseptual Kajian	62
3.6	Kesimpulan	63



4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.1	Pengenalan	64
4.2	Analisis Hadis (2661)	64
4.2.1	Dimensi Tekstual	64
4.2.2	Dimensi Amalan Wacana	75
4.2.3	Dimensi Praktis Bahasa Kepemimpinan Rumah Tangga	89
4.3	Analisis Hadis 2581	101
4.3.1	Dimensi Tekstual	101
4.3.2	Dimensi Amalan Wacana	105
4.3.3	Dimensi Praktis Bahasa Kepemimpinan Rumah Tangga	113
4.4	Analisis Hadis 5268	117
4.4.1	Dimensi Tekstual	117
4.4.2	Dimensi Amalan Wacana	122
4.4.3	Dimensi Praktis Bahasa Kepemimpinan Rumah Tangga	127
4.5	Analisis Hadis 4796	132
4.5.1	Dimensi Tekstual	132
4.5.2	Dimensi Amalan Wacana	135
4.5.3	Dimensi Praktis Bahasa Kepemimpinan Rumah Tangga	140
4.6	Analisis Hadis 4789	143
4.6.1	Dimensi Tekstual	143
4.6.2	Dimensi Amalan Wacana	148
4.6.3	Dimensi Praktis Bahasa Kepemimpinan Rumah Tangga	150
4.7	Kesimpulan	153



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



RUMUSAN DAN CADANGAN

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

5 RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	154
5.2 Rumusan	154
5.2.1 Rumusan Dapatkan Tiga Dimensi	154
5.2.2 Rumusan Hubungan antara Dimensi	167
5.3 Implikasi Teori dan Metodologi terhadap Kajian	172
5.4 Implikasi Kajian	173
5.4.1 Menonjolkan Model Bahasa Kepemimpinan Rasulullah SAW	173
5.4.2 Menjelaskan <i>Qiwāmah</i> Suami serta Memperkasakan Lelaki sebagai Pemimpin Rumah Tangga	176
5.4.3 Membentuk Budaya Lakuan Sosial yang Baik	176
5.5 Cadangan	177
5.5.1 Mengangkat Bahasa Kepemimpinan Rasulullah SAW	177
5.5.2 Merungkai Permasalahan Sosial melalui Analisis Wacana Agama	178
5.5.3 Memanfaatkan Korpus Hadis Rasulullah SAW	178
5.6 Penutup	178
BIBLIOGRAFI	179
LAMPIRAN	196
BIODATA PELAJAR	221
SENARAI PENERBITAN	222



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah**SENARAI JADUAL**

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual**Halaman**

3.1: Komponen analisis kajian	43
3.2: Pernomboran hadis dan kod	57
3.3: Inti sari hadis yang terpilih	60
4.1: Dapatan praktis bahasa kepemimpinan melalui hadis 2661	99
4.2: Dapatan praktis bahasa kepemimpinan melalui hadis 2581	115
4.3: Dapatan praktis bahasa kepemimpinan melalui hadis 5268	130
4.4: Dapatan praktis bahasa kepemimpinan melalui hadis 4796	141
4.5: Dapatan praktis bahasa kepemimpinan melalui hadis 4789	152
5.1: Rumusan dimensi tekstual	155
5.2: Hubungan unsur tekstual dan amalan wacana dalam praktis bahasa	167
5.3: Konteks PBKRR SAW	168



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah**SENARAI RAJAH**

PustakaTBainun



ptbupsi

Rajah**Halaman**

3.1: Model Tiga Dimensi Fairclough (1995)	41
3.2: Kerangka Teori Kajian	42
3.3: Proses Saringan Hadis	56
3.4: Proses Aplikasi Teori terhadap Hadis	61
3.5: Kerangka Konseptual Kajian Kepemimpinan Rumah Tangga	62
5.1: Rajah Aplikasi Analisis untuk Menghasilkan Dapatan	166
5.2: Model Ijaz PBKRR SAW	175



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah**SENARAI SINGKATAN**

PustakaTBainun



ptbupsi

SWT	Subḥānahu wa ta‘ālā (سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى)
SAW	Sallahu ‘alayhi wa sallam (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ)
r.a.	Radia Allahu ‘anha / ‘anhu (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا / عَنْهُ)
ms.	Muka surat
w	Wafat
KKK	Kata Kerja Kognisi
KKR	Kata Kerja Relasi
KKA	Kata Kerja Aksi
SB	Saḥīḥ Al-Bukhārī
PAS	Parti Islam SeMalaysia
UMNO	United Malay National Organisation
AAB	Abdullah Ahmad Badawi
MTDF	Model Tiga Dimensi Fairclough
AWK	Analisis Wacana Kritis
PBKRR	Praktis Bahasa Kepemimpinan Rumah Tangga Rasulullah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

L	Leksikal
LM	Leksikal Metafora
FIT	Fungsi Tekstual
FID	Fungsi Ideasional
FINT	Fungsi Interpersonal
MF	Modus Performatif Daya Ujaran Permintaan
MFA	Modus Performatif Andaian
MFD	Modus Performatif Deskriptif
MFE	Modus Performatif Ekspresif
MFEU	Modus Performatif Ekspresif Seruan
MFET	Modus Performatif Penegasan Ekspresif
MFETN	Modus Performatif Penegasan Ekspresif Nafian
MFEN	Modus Performatif Ekspresif Nafian
MFH	Modus Performatif Harapan
MFI	Modus Performatif Imperatif
MFK	Modus Performatif Keterangan Syarat
MFKI	Modus Performatif Keterangan Syarat Imperatif
MFL	Modus Performatif Larangan
MFN	Modus Performatif Nafian
MFR	Modus Performatif Ragu
MFS	Modus Performatif Soalan
MFSN	Modus Performatif Soalan Nafian
MFT	Modus Performatif Penegasan
MFTH	Modus Performatif Penegasan Harapan
MFTK	Modus Performatif Penegasan Keterangan Syarat
MFTN	Modus Performatif Penegasan Nafian
MFTNU	Modus Performatif Penegasan Nafian Seruan
MFU	Modus Performatif Seruan
MFUG	Modus Performatif Seruan Galakan
MFUN	Modus Performatif Seruan Nafian
MFUS	Modus Performatif Seruan Soalan
MFUT	Modus Performatif Seruan Penegasan
MP	Modus Penyataan Positif
MPD	Modus Penyataan Pemerihalan Deskriptif
MPEN	Modus Penyataan Ekspresif Nafian
MPER	Modus Penyataan Ekspresif Ragu
MPEJ	Modus Penyataan Ekspresif Takjub
MPEH	Modus Penyataan Ekspresif Harapan
MPT	Modus Penyataan Penegasan
MPN	Modus Penyataan Nafian
MPTN	Modus Penyataan Penegasan Nafian
MPTD	Modus Penyataan Penegasan Deskriptif
S	Segmen
T	Transitiviti
u1	Ujaran Sehala
u2s	Ujaran Dua Serangkai
u2s+	Ujaran Lebih Dua Serangkai



PANDUAN TRANSLITERASI EJAAN ARAB KE RUMI (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2008)

Huruf Arab	Huruf Rumi
Konsonan	
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h/H
خ	kh
د	d
ذ	dh
ز	z
س	s
ش	sy
ص	s/S
ض	d/D
ط	t/T
ظ	z/Z
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

1



PustakaTBainun



ptbupsi

J	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	'
ي	y
ة	h
Vokal pendek	
ـ	a
ـ	i
ـ	u
Vokal panjang	
ـ	ā/Ā
ـ	ī/Ī
ـ	ū/Ū
Diftong	
ــ	ay
ــ	aw



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab Pendahuluan ini akan membentangkan latar belakang kajian yang berasaskan perbincangan mengenai bahasa kepemimpinan dalam rumah tangga Rasulullah SAW dalam periyawatan ‘A’isyah r.a.. Kemudian, diikuti dengan pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian. Seterusnya menjelaskan kepentingan kajian dan batasannya. Definisi operasional diberikan untuk memudahkan pemahaman konsep yang berhubung dengan tumpuan utama kajian ini.

1.2 Latar Belakang

Bahasa merupakan representasi pemikiran yang menjadi medium penyampaian mesej dalam hubungan interaksi yang berlaku (Fairclough, 1995). Dalam konteks kepemimpinan, bahasa merupakan platform signifikan dalam usaha menyebarkan misi dan agenda yang berkaitan pentadbiran dan pengurusan dari sudut rohani dan fizikal. Bahasa yang digunakan dalam wadah kepemimpinan perlu jelas dalam mengubah tingkah laku serta sistem tadbir urus. Pimpinan perlu memanfaatkan kata dan bicara demi mewujudkan perubahan dalam organisasi, masyarakat dan negara khususnya. Dalam erti kata yang telus, bahasa dalam konteks kepemimpinan berperanan membawa risalah, misi dan tujuan tertentu untuk suatu tempoh yang berpanjangan menyebarkan risalah Allah SWT. Usaha ini dianggap sebagai dakwah untuk mengembangkan agama Islam dengan menjadikan hadis dan al-Quran sebagai inti pati penting dalam menyampaikan risalah Allah SWT.

1.2.1 Bahasa sebagai Alat Perhubungan

Dalam ilmu linguistik, bahasa ialah sistem tanda bunyi yang disepakati untuk kegunaan anggota kelompok masyarakat tertentu dalam bekerjasama, berkomunikasi dan mengidentifikasi diri (Kridalaksana, 2007). Oleh itu antara fungsi utama bahasa ialah untuk berkomunikasi (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd., 1997). Walau bagaimanapun, menurut Keraf (2004), bahasa bukanlah satu-satunya alat berkomunikasi kerana komunikasi juga boleh terbentuk melalui isyarat tubuh atau melalui cara lain yang telah disepakati. Bahasa menjadi alat komunikasi yang paling efektif dalam kehidupan seharian, sama ada melalui bahasa lisan atau tulisan. Melalui bahasa, informasi diterima yang mempengaruhi hidup setiap manusia. Bahasa dimanfaatkan oleh manusia untuk berbagai fungsi seperti menyampaikan pesan atau maksud pembicara, mengemukakan pendapat, mengekspresikan perasaan, berdakwah, bersosial dan sebagainya selain menjadi saluran untuk menghasilkan kerjasama.

Sumber rujukan utama umat Islam, iaitu al-Quran diwarisi melalui bahasa yang bertahan dari generasi ke generasi, memindahkan komunikasi Allah SWT dengan hamba-Nya melalui perantaraan Rasulullah SAW merentasi sempadan masa dan tempat. Pengurniaan dan pendidikan bahasa adalah anugerah Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Rahmān (55:4) bermaksud ‘Dia mengajarkan kepada manusia *al-bayan* (kemampuan untuk menjelaskan)’. Oleh kerana itulah bahasa dan pendidikan bahasa amat penting untuk pembinaan tamadun dan masyarakat hadhari. (Awang Sariyan, 2009). Walaupun bahasa mempunyai sistem yang kompleks, tetapi boleh dianalisis secara sistematik untuk merungkai makna, terutamanya daripada petunjuk al-Quran dan sunah Rasulullah SAW sebagai pemimpin umat seluruhnya.

1.2.2 Kepemimpinan dalam Praktis Sosial

Kepemimpinan adalah satu bentuk praktis sosial yang sangat penting dalam masyarakat. Melalui kepemimpinan yang baik akan membawa masyarakat ke arah kejayaan sesebuah organisasi, institusi atau negara. Kepemimpinan bukan hanya tertentu bagi organisasi atau badan tertentu, bahkan setiap manusia juga perlu memimpin diri sendiri, rumah tangga dan keluarga. Gambaran proses kepemimpinan ini terdapat dalam sabda Rasulullah SAW ini yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Umar r.a. dalam Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī bermaksud:

“Kalian adalah pemimpin, yang akan dimintai pertanggungjawaban.

Penguasa adalah pemimpin, dan akan dimintai pertanggungjawaban atasnya. Suami adalah pemimpin keluarganya, dan isteri adalah pemimpin di rumah suaminya dan anaknya, maka kalian semua adalah pemimpin dan akan dimintai pertanggungjawaban atas kepemimpinannya. Pelayan adalah pemimpin dalam mengelola harta tuannya, dan akan dimintai pertanggungjawaban tentang kepemimpinannya. Oleh kerana itu, kalian sebagai pemimpin akan dimintai pertanggungjawaban atas kepemimpinannya”. (SB. No.5200)

Kepimpinan ialah suatu tingkah laku yang amat dinamik sifatnya (Abdullah & Ainon, 2003). Justeru, sukar untuk didefinisikan sebagaimana yang diakui oleh Foster & Lepard (2003) kerana ia berbeza dan muncul mengikut kepelbagaiannya peranan yang dimainkan oleh manusia dan sentiasa berkembang. Namun elemen asasnya terdiri daripada pengaruh, pengikut, tujuan bersama, perubahan, tanggungjawab dan integriti individu serta niat (*intention*) (Daft, 2015). Oleh itu, kepimpinan merupakan satu sistem tadbir urus yang dapat mengubah masyarakat ke arah dimensi organisasi dan praktis sosial yang lebih tersusun. Manakala kepimpinan dalam rumpun Melayu membawa erti yang lebih mendalam daripada memimpin (*lead*), kerana ia melibatkan hubungan yang lebih akrab antara pemimpin dan rakyat (Shaharir Mohamad Zain, 2010).

Dalam konteks kepemimpinan Islam, konsep kepemimpinan seperti *khilāfah*, *imāmah*, *ulū al-amri*, atau *rā'i* digagaskan kepada ketua atau pemimpin. Gagasan ini mengimplementasikan peranan pemimpin sebagai ketua negara Islam yang perlu

memiliki kriteria-kriteria kepemimpinan yang telus dalam mentadbir negara dan masyarakat Islam khususnya. Kriteria ini menjadikan mereka layak untuk ditaati sebagaimana perintah Allah SWT dalam Al-Nisā' (4:59). Para pemimpin yang dilantik selepas Rasulullah SAW adalah khalifah, 'ulū al-'amr dan imam yang bertanggungjawab meneruskan misi Rasulullah SAW menegakkan Islam di muka bumi.

Kajian tentang kepemimpinan lebih berfokus kepada ciri-ciri pemimpin, teori dan model kepemimpinan, manakala dari sudut bahasa, ciri efektif bahasa pemimpin banyak disenaraikan, lebih-lebih lagi tentang Rasulullah SAW. Namun, kajian tentang praktis kepemimpinan atau bagaimana mesej diterima oleh pengikut perlu dicungkil daripada biografi atau riwayat dan sejarah yang diceritakan oleh pengikut yang sezaman dan mengalaminya. Hadis merupakan wacana telus yang menjadi medium perantaraan dalam mengamati kepemimpinan Rasulullah SAW. Keunikan kepemimpinan menurut Islam berbanding dengan teori kepemimpinan yang dikeluarkan oleh pihak Barat atau mana-mana selain Islam ialah, sumber rujukan naqli yang diintegrasikan bersama dengan kefahaman aqli adalah teras kepada pembentukan nilai kepemimpinan yang berkualiti di sisi Islam (Redwan Yasin, Sayuti Ab. Ghani & Burhanuddin Jalal, 2014). Sumber rujukan naqli dan aqli itu dapat ditelusuri menerusi hadis dan tindak-tanduk baginda yang terpamer dalam setiap dakwah baginda. Peranan hadis amat penting dalam usaha kita mengamati wacana kepemimpinan Rasulullah SAW dan saluran ini dalam perspektif bidang wacana ditakrifkan sebagai analisis wacana.

Hadis sebagai wacana membawa mesej penting untuk diteladani dan sentiasa menjadi bahan kajian para ulama pada setiap zaman dan tidak pernah kering daripada hikmah yang boleh diambil daripadanya. Pelbagai teori, metode dan kesimpulan juga diambil dari pelbagai sudut. Model kepemimpinan Rasulullah SAW yang terkandung dalam hadis-hadis yang dikumpulkan ini membentuk khazanah wacana yang perlu diterokai dari sudut bahasa dan konteksnya untuk diteladani oleh umat dari generasi ke generasi khususnya Rasulullah SAW sebagai seorang pemimpin dalam segenap sudut.

Perkembangan analisis wacana yang mengkaji bahasa dari sudut penggunaan sesuai untuk dimanfaatkan untuk melihat penggunaan bahasa dalam konteks sosial khususnya interaksi manusia. Interaksi kepemimpinan Rasulullah SAW sebagai ketua keluarga bersama keluarga baginda terkandung dalam periyawatan hadis keluarga baginda SAW, terutamanya Sayyidatina 'Aisyah r.a. (seterusnya akan dieja Aisyah, tanpa transliterasi) yang merupakan antara perawi terbanyak hadis. Wacana hadis yang mengandungi praktis sosial yang tumpat boleh dikaji dari sudut Analisis Wacana Kritis (AWK) yang menggabungkan antara kajian linguistik dan praktis sosial masyarakat. Dengan menumpukan analisis ciri-ciri bahasa dan sifat wacana menerusi medium ilmu yang kritis, proses sosial kepemimpinan Rasulullah SAW dapat diamati dengan telus. Analisis Wacana Kritis Model Tiga Dimensi (MTDF) yang diperkenalkan oleh Fairclough sejak tahun 1989 memerlukan bahasa secara telus untuk mencungkil praktis sosial yang terdapat dalam wacana.

1.2.3 Kepemimpinan Teladan melalui Praktis Bahasa Rasulullah SAW

Rasulullah SAW sebagai utusan Allah SWT adalah pemimpin umat hingga ke akhir zaman yang membawa risalah Islam melalui kalam Allah SWT untuk panduan kehidupan. Justeru kata-kata baginda, gerak laku, perakuan bahkan seluruh kehidupan baginda adalah teladan. Menurut Rusydi Ramli al-Jauhari (2012), baginda sebagai pemimpin digambarkan menerima pandangan orang bawahan, mengamalkan syura, membahagikan kuasa dan memberi peluang kepada para sahabat menerajui kepemimpinan dalam peperangan ataupun sebagai pengganti ketika baginda keluar berperang. Sifat baginda tegas dan pemaaf dalam menjalankan hukuman. Selain itu, baginda juga dibekalkan dengan keistimewaan kata-kata atau dikenali sebagai *bayān nabawīy* yang juga merupakan wahyu ilahi dalam bentuk kata-kata manusia.

Hubungan antara bahasa dan kepemimpinan sangat erat dan lengkap melengkapi. Pemimpin memerlukan bahasa untuk mengawal khalayak, memberi arahan atau larangan, membuat pertimbangan dan juga kesepakatan, melaksanakan misi dan visi (Luntz, 2007). Pemimpin boleh menunjukkan kuasa dan mengubah dunia melalui kata-kata. Kuasa bahasa melalui kata-kata yang dipilih untuk berkomunikasi dengan pasangan dan keluarga memberi impak yang hebat untuk menaikkan ataupun menjatuhkan semangat mereka (Maxwell, 2011). Melalui kuasa bahasa, sesuatu tanggungjawab dapat diurus dan dilaksanakan. Selain itu, fungsi bahasa juga menerangkan tentang kepemimpinan yang membawa kepada persefahaman dan hubungan yang erat antara pemimpin dan orang yang dipimpin. Oleh itu, kajian ini bertujuan merungkai praktis bahasa kepemimpinan baginda yang menjadi teladan dalam skop rumah tangga yang mengamalkan *qiwāmah*.

1.2.4 Kepemimpinan Rumah Tangga dan *Qiwamah*

Sebuah rumah tangga memerlukan kualiti kepemimpinan yang baik. Pemimpin yang bertanggungjawab harus ada sebagai pengurus bahtera kehidupan berumah tangga dengan tujuan ketaatan kepada Allah, tidak menyalahgunakan kekuasaan serta menggunakan untuk bermusyawarah antara suami dan isteri dalam hal sekecil-kecil menyisihkan bayi dari susuan (al-Qaraḍāwī, 2009). Dalam konteks ini, Islam telah memberi garis panduan tersebut melalui al-Quran dan sunah. Dalam surah al-Nisā' (4:34), Allah SWT telah memberikan bebanan *qiwāmah* kepada seorang suami. *Qiwamah* atau kepemimpinan diambil daripada perkataan *qawwām* yang disebut oleh Allah SWT di dalam firman-Nya:

وَالرِّجَالُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ إِمَّا فَضَلَّ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ إِمَّا أَنفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ..

Al-Nisā' 4:34

Maksudnya: "Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas



sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka..”

Ayat yang diturunkan ini telah menerangkan hubungan antara lelaki dan wanita dalam rumah tangga iaitu dalam skop kepimpinan kekeluargaan. (Kuhūs, 2007). Kalimah *qawwām* ialah dalam bentuk *sīghah mubālaghah* atau hiperbola bermaksud orang yang sangat dipertanggugjawabkan untuk menjalankan suatu urusan. Konsep *qawwām* ini ditafsir secara khusus oleh Ibn Kathīr (1996) bahawa lelaki sebagai seorang ketua dan orang besar. Begitu juga ditemui definisi yang sama menerusi beberapa kitab tafsir lain, iaitu diberikan kuasa sebagaimana raja ke atas rakyatnya, menyuruh, melarang dan mengenakan tindakan atau mendisiplinkan kaum wanita sekiranya mereka melakukan kesalahan. Namun definisi yang disepakati oleh ulama tafsir ialah hak lelaki sebagai pemegang *qiwāmah*. (Kuhūs, 2007).

Tanggungjawab dan kuasa memimpin ini memberikan kelebihan kepada lelaki sebagai ketua keluarga (Qutb, 1971) (Al-Zuhaylīy, 1991). Kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT berupa ciri fizikal, untuk dipertanggungjawabkan menyedia perbelanjaan sehari-hari terhadap wanita serta melindungi mereka dengan menyediakan tempat tinggal yang baik. Di samping menjaga kaum wanita, kaum lelaki juga melindungi mereka daripada ancaman-ancaman yang menuntut mereka untuk pergi berjuang untuk mempertahankan keluarga dan negara. Mereka juga diberi tugas untuk berkhutbah, berikhtikaf, azan dan sebagainya. Menurut al-Barudi (2007, ms.428), “Ayat *qiwāmah* ini sebagai pengaturan institusi rumah tangga dan menjelaskan kepakaran setiap anggotanya secara struktural. Tugas kepemimpinan diberikan kepada suami untuk menjaga institusi daripada kehancuran dan memberikan peraturan yang jelas dan teratur.”

Kepemimpinan rumah tangga merupakan satu bentuk kepemimpinan yang sedikit berbeza daripada makna amnya. Hal ini demikian kerana kepemimpinan khususnya daripada seorang pemerintah memberi arahan dan larangan, berusaha mempengaruhi orang bawahan dalam melaksanakan perintah, serta mempunyai autoriti sepenuhnya sebagai pembuat keputusan dan penentu perjalanan dan kejayaan organisasi ke arah yang dikehendaki bersama. Namun, kepemimpinan dalam rumah tangga berhubung kait dengan peranan yang dimainkan oleh suami dan isteri yang berlainan dari segi fisiologi dan saling lengkap-melengkap. Perbezaan peranan ini menuntut pengendalian yang berbeza dari sudut pelaksanaannya. Ukuran kejayaannya ialah keharmonian dan kebahagiaan. Rumah tangga yang baik mampu mengukuhkan kasih sayang, mengatasi konflik dengan berkesan dan bergerak ke arah matlamat yang sama, iaitu kebahagiaan dunia dan akhirat (al-Bayānūnīy, 1988).

Kepemimpinan ini menuntut ketataan isteri pada perkara yang Allah SWT perintahkan dalam mentaatinya. Antara bidang kekuasaan yang ditetapkan oleh syarak ialah hak talak yang dimiliki oleh kaum lelaki. Kaum lelaki sebagai ketua keluarga juga perlu melindungi ahli keluarganya daripada api neraka dengan cara menasihati isteri yang berkelakuan tidak wajar dengan cara berhikmah, iaitu mengawal perasaannya daripada terjerumus di luar tabiat kemanusiaan, tabah serta sabar dengan kerena dan tidak menghinanya (Johaibi Juhan & Mohd. Azmir



Maideen, 2013). Suami juga dituntut memaafkan kesilapan isteri dan melupakannya. Di samping itu, isteri juga perlu menuruti kehendak suami di tempat tidur dan keluar dari rumahnya dengan izinnya (Kuhūs, 2007). Selain dari bidang tersebut, suami dan isteri mempunyai hak yang sama sebagaimana ditegaskan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2:228) bermaksud: “Dan mereka (para perempuan) mempunyai hak seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang makruf”.

Oleh itu, *qiwāmah* yang diberikan ialah kerana kelebihan anugerah Allah SWT berdasarkan potensi, peranan, tabiat semulajadi, tanggungjawab, ihsan, timbang rasa, *mawaddah* dan rahmat Ilahi, bukannya berdasarkan kuasa, ketinggian darjat atau kerana kedudukan lelaki yang istimewa berbanding wanita (Redwan bin Yasin, Sayuti Ab. Ghani & Burhanuddin bin Jalal, 2014). Kuasa yang diberikan juga bukan menjadikannya sebagai suatu keperluan sebagaimana yang diamalkan oleh firaun (Ibrāhīm, 2015). Ia juga bukan sistem patriarki yang diamalkan di Barat dan mendapat tentangan oleh pihak feminism kerana melibatkan peranan pemimpin dalam sesebuah hubungan sosial yang mengawal tingkah laku seseorang serta memberikan kedudukan superior kepada peranan golongan lelaki (Zaireeni Azmi, 2001) (Fatimah Abdullah, 1983). Hal ini menyebabkan timbulnya jurang antara pemimpin dengan orang bawahan serta membezakan darjat manusia. (Redwan et al, 2014) di samping mencetuskan pergelutan sosial ditunjangi kepentingan kelas atau kumpulan. Sebaliknya, hubungan kuasa dalam konteks kepimpinan Islam mewujudkan kemanfaatan dan ditunjangi oleh tanggungjawab dan ketaqwaan. (Sahri Md. Salleh, 2013)

Aspek kepemimpinan ini bukannya sebagai kata kunci untuk membenarkan sifat diktator dan tindakan ganas terhadap golongan wanita, bahkan menjadi wadah kekuatan jiwa, akal dan kejadian anggota yang memiliki sifat keperwiraan, tidak gelojo, tenang dan sabar. Sifat kejadian ini merupakan kelebihan yang diberikan kepada kaum lelaki khususnya dalam usaha menanggung tugas besar yang bakal dipersoal di hari akhirat sebagai pemimpin kepada isteri dan anak-anak. Manakala tabiat wanita yang kaya dengan perasaan, sifat kasih lagi mengasihani, cepat bertindak balas, menanggung kehamilan, menyusu, mendidik dan membesarakan anak-anak menjadi penyulam dan pemanis dalam tadbir urus organisasi keluarga (Kuhūs, 2007). Sifat-sifat ini mengimplementasikan wanita sebagai insan yang perlu disayangi, dipimpin dan dibantu. Allah SWT menyifatkan perempuan yang taat kepada suami ialah perempuan yang solehah, iaitu yang taat kepada Allah (*qānitāt*) lagi memelihara diri (*ḥafīzāt*) ketika suaminya tidak ada, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka) (al-Nisa' 4:34).

Penjelasan mengenai *qiwāmah* ini perlu dilihat secara cermat dari sudut pelaksanaannya oleh Rasulullah SAW sendiri dan bukannya daripada acuan adat dan tradisi masyarakat yang telah berubah nilai sosialnya dan terpesong dari ajaran sebenar. Huraian mengenai ayat *qiwāmah* yang diterjemahkan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan baginda boleh merungkai cara kepemimpinan Rasulullah SAW bersama keluarga baginda. Hal ini dapat diamati menerusi praktis sosial dalam rumah tangga baginda. Antaranya melalui interaksi dan riwayat kaum keluarga terdekat baginda seperti para isteri baginda iaitu para *ummahāt al-mu'minīn*. Hadis

dalam rumah tangga Nabi SAW ada diriwayatkan oleh Sayyidatina Aisyah r.a. selain dari *ummū al-mu'minīn* serta para sahabat yang lain. Kajian terhadap Rasullullah SAW dapat digali daripada hadis-hadis perawi yang penuh dengan praktis sosial (Abū 'Awdah, 1991). Dalam erti kata lain, peranan kepemimpinan dalam rumah tangga Rasullullah SAW dapat dijelmakan menerusi analisis kritis terhadap sumbangan perawi hadis yang menjadi medium autentik dalam usaha meneliti bahasa kepemimpinan dan teladan praktis *qiwāmah* daripada Rasulullah SAW.

1.3 Permasalahan Kajian

Bahasa kepemimpinan memainkan peranan penting untuk menjalin hubungan yang harmoni sesama anggota masyarakat dan menyatupadukan ahli ke arah kebaikan bersama. Kajian tekstual berkenaan kepemimpinan Rasulullah SAW masih belum meliputi seluruh aspek kehidupan. Kajian yang menghayati aspek bahasa kepemimpinan baginda yang berbentuk '*jawāmi'* *al-kalim*' iaitu ringkas dan padat mendapat perhatian ramai pengkaji bahasa seperti al-Jāḥīz (1990) dan al-Rāfi'iyy (2001). Sementara Ayyūb (2012) membuktikan bahawa baginda cekap menyesuaikan ucapan pada kondisi dan peranan yang dimainkan oleh baginda. Di dalam peranan tersebut, Ismail (2009) mendapati setiap ucapan dan perbuatan Nabi SAW mengandungi ajaran bersifat universal, temporal dan lokal.

Strategi komunikasi Rasulullah SAW melalui interaksi dikaji dalam bentuk struktur bahasa *ḥiwar* atau dialog pernah dibincangkan oleh Ayyūb (2012), Salim (2004), dan Husayn (2000) yang turut menekankan kepada retorik (*balāghah*) dalam menghayati keindahan bahasa. Kajian al-Munjid (t.t.) melihat gaya bahasa Rasulullah SAW sebagai pemimpin umum semasa membetulkan kesalahan umat. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut masih di peringkat tekstual. Pemahaman hadis perlu diletakkan bersesuaian dari segi tekstual dan kontekstual dalam pelbagai situasi secara universal atau lokal tanpa jumud yang menutup eksistensi Islam yang sesuai pada setiap masa dan ketika (Huriñ'in, 2014).

Kajian Ahmadiy dan Ṣahrāwiy (2013) dalam kalangan masyarakat Algeria membuktikan bahawa keharmonian rumah tangga tercapai dengan mengikuti panduan interaksi serta strategi yang dicontohkan oleh baginda Rasulullah SAW. Namun, berikutan kurangnya pengetahuan para pemuda di negara Algeria tentang kaedah interaksi Rasulullah SAW dan cara Rasulullah SAW bermuamalah dengan para isteri baginda, maka timbul pelbagai implementasi masyarakat dalam menangani permasalahan dan krisis rumah tangga. Begitu juga usaha Ainon Mohd. (2015) serta kumpulan pengkaji hadis psikologi dari Malaysia yang mengambil praktis berbahasa Rasulullah SAW mengikut konteks tertentu untuk diaplikasi dalam urusan harian. Sementara kajian Ahmed Thalal Hassan (2015) telah menganalisis gaya komunikasi Rasulullah SAW dengan para wanita berbentuk analisis kritis dan mendapati bahawa perbezaan komunikasi Rasulullah SAW bersama dengan tiga golongan wanita, iaitu para *ummahāt al-mu'minīn*, *ṣahabiyyāt* dan wanita kebanyakannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTPB ptbupsi

Kajian-kajian tersebut perlu dilanjutkan dengan mengkhusus kepada sudut bahasa kepemimpinan dalam rumah tangga. Hal ini dikatakan demikian kerana, aspek ini masih kurang diberikan perhatian. Ruang kepemimpinan sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Nisā' (4:34), memperuntukkan suami sebagai pemimpin rumah tangga tidak boleh difahami secara literal, bahkan ia suatu proses sosial yang memerlukan garis panduan daripada sunah kepemimpinan Rasulullah SAW. Hal ini dapat dicungkil melalui kajian berbentuk kritis dan terperinci sebagai rujukan kepada masyarakat. Bahasa kepemimpinan rumah tangga amat kritikal kerana rumah tangga menjadi nadi kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, kepemimpinan rumah tangga pada masa kini menghadapi krisis yang membimbangkan berikutan kadar perceraian dalam kalangan umat Islam semakin tinggi. Antara faktor yang dikenal pasti ialah masalah komunikasi antara pasangan yang melibatkan penggunaan bahasa kasar serta tidak dapat berkongsi pendapat dan perasaan (Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin, 2017).

Kisah-kisah kekeluargaan Rasulullah SAW hanya disebut secara sepintas lalu dalam kitab tafsir, hadis, sirah, *maqaib* tokoh selain buku-buku fiqh dan hak-hak wanita. Analisis yang menyeluruh dan sistematik terhadap praktis bahasa kepemimpinan Rasulullah SAW dalam rumah tangga sangat diperlukan oleh masyarakat kontemporari yang banyak terpengaruh dengan budaya sosial Barat melalui pendedahan teknologi dan globalisasi. Praktis ini masih kekal dalam bentuk wacana, terutamanya daripada riwayat para isteri baginda dan perlu dicungkil melalui pendekatan kritis. Walau bagaimana pun, analisis hadis berbentuk kritis masih kurang diberi perhatian (Munif Zariruddin Fikri Nordin, 2016). Begitu juga dengan kajian kritis yang melihat konteks kepemimpinan baginda melalui bentuk dan struktur bahasa. Kajian bentuk dan struktur bahasa amat diperlukan kerana bahasa merupakan sebahagian daripada proses sosial sehingga dapat merepresentasikan kepemimpinan baginda.

Melalui analisis wacana secara kritis, proses sosial kepemimpinan Rasulullah SAW dapat dicungkil melalui analisis tekstual dan amalan wacana perawi. Abū ‘Awdah (1991) dalam kajiannya mendapati bahawa hadis Rasulullah SAW menggunakan tatabahasa setempat. Tatabahasa setempat ini digunakan agar dapat menggambarkan dengan jelas hakikat kehidupan manusia secara semula jadi. Namun begitu, bahasa kepemimpinan tidak boleh difahami secara tekstual sahaja sebagaimana yang difahami oleh golongan feminis (Sarja, 2001), (Mohd Akil Muhammad Ali, Mazlan Ibrahim & Dwi Sukmanilla Sayska, 2011), (Andriyani, 2017), tetapi perlu dihubungkan dengan sosialnya supaya dapat memberi gambaran sebenar hakikat sosiobudaya masyarakat yang diasuh dengan cara yang betul dan pimpinan yang benar daripada Rasulullah SAW.

Sehubungan itu, kajian tentang kepemimpinan rumah tangga perlu melihat proses dan praktis sosial yang sebenar melalui analisis wacana. Analisis Wacana Kritis (AWK) sebagaimana yang diperkenalkan oleh Fairclough melalui Model Tiga Dimensi pada mulanya pada tahun 1989 menyediakan metod bersistematis dan bersepadan untuk mengkaji sains sosial melalui analisis contoh-contoh interaksi sosial sebenar dengan mengambil bentuk-bentuk linguistik (Idris Aman, 2010).

Analisis Wacana Kritis kepemimpinan rumah tangga bersumberkan teks agama primer, iaitu al-Quran dan hadis amat diperlukan kerana mempunyai ciri keistimewaan yang tersendiri yang boleh memuatkan pengajaran dan penyerapan makna di dalamnya bagi membina asas keluarga yang harmoni. Dengan demikian, kajian ini memberikan dimensi baharu dalam kefahaman terhadap praktis *qiwāmah* yang perlu dijelaskan dengan bukti-bukti daripada sudut linguistik dan diperjelaskan melalui fungsi bahasa.

1.4 Objektif

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengenal pasti ciri-ciri tekstual kepemimpinan yang terkandung dalam hadis riwayat Aisyah r.a..
2. Menganalisis amalan wacana perawi Aisyah r.a. dalam penghasilan dan penyebaran tentang bahasa kepemimpinan Rasulullah SAW dalam rumah tangga.
3. Merumuskan praktis bahasa kepemimpinan rumah tangga Rasulullah SAW menerusi hadis riwayat Aisyah r.a..

1.5 Persoalan Kajian.

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah ciri-ciri tekstual kepemimpinan yang terkandung dalam hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a.?
2. Bagaimakah amalan wacana Aisyah r.a. dalam penghasilan dan penyebaran tentang bahasa kepemimpinan Rasulullah SAW dalam rumah tangga?
3. Bagaimakah praktis bahasa kepemimpinan rumah tangga Rasulullah SAW dapat dirumuskan menerusi hadis perawi Aisyah r.a.?

1.6 Kepentingan Kajian

Pada era kebangkitan ilmu linguistik yang dikenali sebagai *linguistic epoch*, wacana memangkinkan banyak lagi kajian bahasa, bukan hanya melalui ciri linguistik, bahkan melangkaui bacaan sosial yang terkandung di dalamnya yang boleh diperolehi melalui Analisis Wacana Kritis (Idris, 2010). Bahasa yang baik diperlukan untuk membina keperibadian dan jati diri Muslim dan penggunaan bahasa kepemimpinan yang baik dalam organisasi akan menghasilkan para pengikut, orang bawahan, pekerja, rakan-kongsi, pasangan serta anak didik yang sentiasa bermotivasi dan inovatif sebagaimana yang telah berjaya dilakukan oleh Rasulullah SAW, Kepemimpinan baginda dalam rumah tangga baginda yang mengandungi sembilan

orang wanita telah menghasilkan para *ummahat mu'min* bersama para sahabat yang lain yang setia dan gigih menyampaikan dakwah Rasulullah setelah kewafatan baginda.

Wacana hadis terkandung mesej agama yang disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada umatnya. Dengan bahasa sebagai medium penyampaian dan penyerapan agama, bahasa dan agama saling berkaitan dan lengkap melengkap. Oleh kerana itulah Imam al-Ghazālī (1980) meletakkan ilmu bahasa, tatabahasa dan segala cabang ilmu linguistik dalam skema hierarki ilmu iaitu pengelasan ilmu yang terpuji dan diredayai, dengan menjadikannya sebagai ilmu mukadimah atau ilmu bantu untuk mengenal isi kitab Allah dan sunah Rasulullah SAW dalam setiap aspek kehidupan baginda. Analisis wacana kritis merupakan sumbangan bidang bahasa dan linguistik kepada sosial dengan memberi nilai tambah dalam tarbiah masyarakat dan mewujudkan penyatupaduan dan keharmonian dalam masyarakat. Pertalian antara bahasa dan sosial menunjukkan bahasa sebahagian daripada kehidupan dan tidak terasing daripadanya (Fairclough, 1995).

Kajian wacana kritis ini juga memberikan perspektif baharu kepada kajian linguistik Arab yang selama ini tertumpu kepada kajian dari segi struktur tatabahasa pada unit ayat yang terbatas. Kajian tersebut penting untuk pemerolehan sesuatu bahasa dan pengajaran bahasa. Namun dengan metodologi analisis wacana, kajian bahasa menjadi semakin penting kerana disiplin ini bukan hanya melihat dari segi bahasa dan fungsi bahkan melangkaui masyarakat pengguna serta saling pengaruh mempengaruhi dengan konteks sosial. Penemuan-penemuan baharu memberi maklumat yang dapat memperbaiki sistem sosial sedia ada di samping memberi kesedaran terhadap fenomena bahasa (Fairclough, 1992).

Analisis bahasa kepemimpinan Rasulullah SAW juga mampu menyumbang kepada pembudayaan sosial yang baik untuk mewujudkan kesantunan dalam bicara, hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat, terutamanya dalam keluarga yang kini dalam ambang keruntuhan akhlak anak-anak, keingkaran suami serta nusyuz isteri, dan pelbagai lagi masalah sosial yang salah satunya berpunca dari amalan kepemimpinan yang buruk, bahasa komunikasi serta ekspresi yang tidak mengikut panduan agama sebagaimana yang dibuktikan oleh kajian Ahmadiyy dan Şahrāwīy (2013) dalam masyarakat Algeria. Di samping itu, analisis bahasa kepemimpinan memberi nilai tambah dengan memberi konstituen maklumat kepada masyarakat serta mentarbiah masyarakat dalam penggunaan bahasa dan kepekaan terhadap bahasa bermula dari unit yang asas rumah tangga, seterusnya dapat mengelak perpecahan dan kepincangan sosial.

Kualiti kepemimpinan yang terdapat dalam diri Rasulullah SAW perlu diteladani oleh setiap pendakwah dan bakal pemimpin, bahkan setiap individu kerana setiap diri sekurang-kurangnya merupakan pemimpin kepada diri sendiri dan keluarga. Sebagai *qudwah hasanah* dalam segala aspek melalui bimbingan Ilahi, maka wajarlah juga diambil *qudwah* dari sudut bahasa kepemimpinan baginda dalam unit terkecil dan terpenting masyarakat, iaitu rumah tangga. Oleh itu, bahasa

kepemimpinan Rasulullah SAW perlu dikembangkan, dan seharusnya mampu menyaingi elemen-elemen yang dianjurkan oleh pihak Barat melalui pelbagai karya yang ditulis oleh para sarjana bidang sosiologi, komunikasi dan juga bahasa. Pengamatan secara berterusan perlu dilakukan kerana kelonggaran gaya kepemimpinan sarjana Muslim dewasa ini yang masih tidak mempraktikkan identiti kepemimpinan Rasulullah SAW (Redwan et.al, 2014). Hal ini termasuklah mengamati bahasa kepemimpinan dalam rumah tangga baginda. Kajian analisis wacana agama dalam bentuk praktis kepemimpinan Rasulullah SAW amat signifikan kepada bidang pengurusan dan kepemimpinan khususnya memberi model kepemimpinan altruistik yang menjadi amalan Rasulullah SAW (Ismail, 2000), dalam kajian ini dari sudut linguistik.

Di samping identiti kepemimpinan Rasulullah SAW, analisis wacana hadis berbentuk naratif ini juga dapat menyerlahkan kewibawaan dan autoriti pewacana yang juga pemetik hadis, iaitu Aisyah r.a.. Menurut Abū ‘Awdah (1991), hadis-hadis seperti ini sarat dengan praktis sosial yang memaparkan keadaan sebenar yang berlaku pada waktu beliau bersama Rasulullah SAW seolah-olah gambaran hidup. Contohnya, suasana apabila berlakunya fitnah terhadap beliau, setiap detik itu diceritakan termasuk emosi beliau serta tindakan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Praktis sosial ini bersifat diskursif dan perlu dicungkil melalui analisis bahasa dan wacana seperti yang dilakukan dalam kajian ini. Melalui Analisis Wacana Kritis (AWK) yang menghubungkan antara bahasa dan praktis sosial, wacana hadis dapat memperbaharui peranannya di samping mengekalkan nilai islami sejak dari zaman nabi hingga sekarang melalui analisis yang konsisten terhadap kandungan tersurat dan tersirat.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Hasil kajian juga dapat menjelaskan serta memberi pencerahan terhadap sebahagian prinsip *qiwāmah* yang dianjurkan oleh Islam dalam surah al-Nisa’ (4:34) melalui model Rasulullah SAW dari sudut bahasa kepemimpinan rumah tangga. Tafsiran terhadap *qiwāmah* yang memberikan kekuasaan kepada golongan lelaki tidak semestinya bersifat mutlak sebagaimana yang disalahafsisikan oleh golongan tertentu, bahkan aspek ini perlu disuluh melalui aplikasi sebenar dalam realiti kehidupan Rasulullah SAW.

1.7 Batasan Kajian

Riwayat Aisyah r.a. yang terpilih untuk kajian ini ialah sebanyak 11 buah hadis iaitu yang menyentuh tentang kehidupan beliau bersama Rasulullah SAW, iaitu pada tempoh sepuluh tahun terakhir hayat Rasulullah SAW. Riwayat yang menunjukkan nilai dan ciri kepemimpinan Rasulullah SAW sebagai ketua rumah tangga ialah berdasarkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam rumah tangga beliau sebagaimana yang dinukilkhan oleh al-Sha’rāwī (2001), iaitu peristiwa fitnah yang dikenali sebagai hadis *al-iifik*, peristiwa pemilihan (*takhyir* atau *ilā*) pengharaman madu ke atas rasul, tayammum, dan lain-lain sebagaimana yang dijustifikasi dalam Bab Tiga.

Kajian ini juga hanya mengambil hadis daripada sumber yang autentik, iaitu daripada kitab *Şahih Al-Bukhārī* (2008) sahaja, manakala hadis-hadis Aisyah r.a. daripada riwayat Imam Muslim, al-Tirmidhiy, Ahmad dan lain-lain tidak dipilih sebagai data kajian. Ini membataskan data yang terpilih kerana kebanyakan hadis tentang rumah tangga tidak didapati dalam kitab *Şahih Al-Bukhārī*, bahkan banyak yang didapati palsu yang merupakan rekaan daripada golongan Syiah untuk memburukkan Aisyah r.a.. Manakala huraian hadis dipetik daripada kitab syarah hadis terbesar iaitu *Fath al-Bāriy* oleh Ibn Ḥajar Al-‘Asqalāniy (1986) serta terjemahannya (2008).

Memandangkan wacana hadis meliputi pelbagai aspek, maka kepentingan kajian ini hanyalah berkisar tentang bahasa kepemimpinan rumah tangga yang boleh dicungkil melalui analisis bahasa dan wacana. Sementara rumah tangga yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah dalam skop suami dan isteri sahaja. Metodologi Analisis Wacana Kritis berasaskan Model Tiga Dimensi Fairclough (1995) akan dijadikan teras dalam kajian untuk mencungkil bahasa kepemimpinan rumah tangga Rasulullah SAW. Dari sudut textual, elemen leksikal hanyalah dari sudut leksikal kepemimpinan dan metafora proses. Dari sudut analisis nahu wacana, tumpuan hanya tertumpu kepada modus dan transitiviti, manakala dimensi amalan wacana akan menumpu kepada penghasilan dan penyebaran wacana sahaja dengan menganalisis intertekstualiti metawacana dan representasi, selain interdiskursiviti genre naratif, deskriptif, ekspresif dan interaksi dalam wacana. Huraian hadis yang dipaparkan dalam bab empat berpada dengan hanya lima buah hadis yang terpilih kerana kekangan muka surat yang telah ditetapkan. Lima buah hadis tersebut telah mengandungi segala praktis bahasa dalam hadis lain. Tuntasnya, dapat mewakili sebelas hadis yang dianalisis berkaitan amalan kepemimpinan rumah tangga Rasulullah SAW dalam hadis riwayat Aisyah r.a..

1.8 Definisi Operasional

Beberapa perkataan dan istilah yang digunakan dalam kajian ini memerlukan penjelasan supaya apa yang dimaksudkan oleh pengkaji dapat difahami dengan sebenarnya. Tiga istilah utama yang digunakan dalam kajian ini ialah Analisis Wacana Kritis, bahasa kepemimpinan rumah tangga dan perawi.

1.8.1 Bahasa Kepemimpinan Rumah Tangga

Bahasa kepemimpinan merupakan dua perkataan yang berbeza yang digabung untuk memberikan suatu makna yang khusus. Oleh itu, dalam proses kepemimpinan, bahasa merupakan satu medium untuk meraih perhatian dan tindakan pengikut. Menurut Munif (2008) “Bahasa kepemimpinan sebagai medium interaksi kelakuan dalam konteks proses kepemimpinan tersebut berlangsung”. Selain itu, beliau juga mentakrifkan bahawa bahasa kepemimpinan sebagai bahasa yang merupakan sistem lambang berbentuk lisan atau tulisan digunakan oleh pemimpin untuk mempengaruhi tindakan pihak lain, melibatkan mereka dan mengagihkan kuasa supaya mereka mengikut arahannya dengan rela hati melalui interaksi kelakuan yang bercorak peribadi. Bahasa kepemimpinan rumah tangga dalam konteks kajian ini merangkumi

bahasa yang digunakan oleh Rasulullah SAW sebagai pemimpin rumah tangga dan juga bahasa ungkapan perawi untuk menunjukkan kepemimpinan Rasulullah SAW.

1.8.2 Perawi dan Riwayat

Perawi dalam kajian ini Aisyah r.a.. Manakala riwayat dalam kajian ini ialah ungkapan perawi tentang Rasulullah SAW sama ada dalam bentuk perkataan baginda atau selainnya yang disampaikan oleh perawi kepada perawi yang lain hingga hal terkumpul dan dibukukan.

1.8.3 Analisis Wacana Kritis

Analisis Wacana Kritis (AWK) ialah satu teori wacana yang mempunyai orientasi sosial. Istilah kritis yang dinisahkan kepada Fairclough (1992, 1995) bertujuan menghubungkan bahasa dan elemen lain dalam kehidupan sosial secara sistematis (Phillips & Jorgensen, 2002). Bahasa sebagai gambaran hubungan sosial kuasa dan dominasi, serta gambaran ideologi dan kepercayaan, selain daripada menghubungkan penglibatan bahasa dengan perubahan sosial yang progresif (Munif, 2008). Konsep “kritis” di sini bukanlah untuk “mengkritik” hadis tetapi untuk menganalisis secara kritis bahasa kepemimpinan Rasulullah SAW yang terdapat dalam wacana riwayat Aisyah r.a. dengan menghubungkannya antara bahasa, wacana dan praktis sosial. Pendekatan Fairclough yang mengandaikan penggunaan bahasa dalam proses komunikasi terkandung dalam Model Tiga Dimensi Fairclough (MTDF) iaitu dimensi tekstual, dimensi amalan diskursif atau wacana, serta dimensi praktis sosiobudaya. Menurut Phillips & Jorgensen (2002) teori dan metode yang dikemukakan oleh beliau adalah yang paling berkembang untuk kajian komunikasi, sosial dan budaya.

Pendekatan ini mengambil kira teks dalam bentuk tutur kata dan tulisan. Teks ialah proses penghasilan teks, dengan menjadikan teks sebagai suatu sumber atau *resource* kepada proses interpretasi. Analisis teks membentuk sebahagian daripada analisis wacana yang meliputi analisis penghasilan dan interpretasi. Selanjutnya, wacana pula merujuk kepada seluruh proses interaksi sosial yang sebahagian daripadanya, termasuk juga proses penghasilan dan interpretasi. Namun begitu, proses-proses ini tidak sempurna melainkan dikaitkan dengan konteks, iaitu penghasilan serta interpretasi tentang kondisi atau praktis sosial. Analisis sosial ini pula boleh diteliti berdasarkan kepada tiga tahap, iaitu pertama, di mana ianya terhasil, kedua pada aras institusi sosial dan ketiga pada aras masyarakat keseluruhan. Menurut Fairclough (1995) wacana tiga dimensi ialah dengan menganalisis secara serentak dimensi tekstual, amalan wacana dan praktis sosial, melalui tiga aras analisis, iaitu mendeskripsi, menafsir dan menjelaskan praktis sosial yang terkandung di dalam wacana secara terperinci dan empirikal.

1.9 Struktur Tesis

Tesis ini terdiri daripada lima bab iaitu:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- i- Bab Satu : Pendahuluan
- ii- Bab Dua : Sorotan Literatur
- iii- Bab Tiga : Metodologi
- iv- Bab Empat : Analisis dan Perbincangan
- v- Bab Lima : Rumusan dan Cadangan

1.10 Kesimpulan

Bab Pendahuluan ini membincangkan latar belakang kajian, permasalahan, objektif, persoalan kajian serta kepentingannya. Bab ini juga meletakkan batasan kajian serta memberikan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini. Analisis bahasa kepemimpinan daripada petunjuk Rasulullah SAW perlu ditonjolkan berbanding pelbagai teori kepemimpinan Barat kerana baginda adalah sebaik-baik contoh dan huraian kepada apa yang direndai oleh Allah SWT untuk mencapai keharmonian rumah tangga.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi